KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	10/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	KeTSA / TNB			

SH 10.1.2022_11

Pengguna tak perlu bimbang bil naik

SHAH ALAM - Rakyat tidak perlu risau berhubung tarif elektrik baharu bagi tahun 2022 hingga 2024 yang bakal diumumkan kerajaan tidak lama lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Dr Saravanan Thambirajah berkata, dijangkakan tidak berlaku sebarang kenaikan disebabkan harga bahan api tidak menunjukkan sebarang peningkatan.

Beliau menjelaskan, walaupun terdapat kenaikan yang akan diumumkan, ia tidak menjejaskan rakyat kerana akan ditanggung oleh Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

"Saya rasa tiada perubahan dalam tarif elektrik kerana tiada kenaikan dalam kos sumber bahan bakar untuk menghasilkan tenaga dan kos operasi penghasilan tenaga. Ini berdasarkan kepada harga bahan api semasa.

"Jika ada kenaikan pun, ia akan ditampung melalui subsidi kerajaan oleh KWIE.

"Jadi, pengguna tidak akan bayar kalau harga naik. Dalam erti kata lain, ia telah diberi subsidi oleh kerajaan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Ahad, kerajaan memberi jaminan tarif elektrik baharu bagi tahun 2022 hingga 2024 akan diumumkan kerajaan dalam masa terdekat tidak akan membebankan rakyat.



SARAVANAN


Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, kerajaan sudah membuat keputusan berhubung penetapan tarif elektrik dalam tempoh tiga tahun berkenaan.

Mengulas lanjut, Saravanan berkata, tarif elektrik perlu dikekalkan bagi membantu rakyat yang masih lagi terjejas akibat pandemik Covid-19 serta bencana seperti banjir dan tanah runtuh.

"Selalu kalau ada kenaikan bil elektrik, harga barang juga akan meningkat.

"Jadi, jika tiada sebarang kenaikan harga, peniaga juga tidak akan mengambil kesempatan menaikkan harga barang. Ini juga akan membantu dari segi kos sara hidup," ujar Saravanan.

Dalam masa sama, beliau menasihatkan rakyat supaya tidak mengambil peluang terhadap kelebihan tersebut, sebaliknya mengamalkan penjimatan elektrik di rumah.



Walaupun dijangka tiada kenaikan tarif elektrik, pengguna disaran mengamalkan penjimatan tenaga di rumah